

PENYELARASAN FATWA DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN

PROF. MADYA DR. MOHAMED AZAM
MOHAMED ADIL
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
IAIS MALAYSIA

Pendahuluan

- Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri (kecuali WP) bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal agama Islam.
- Ini sesuai dengan kedudukan Sultan-sultan sebagai ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang beraja, dan YDA bagi negeri-negeri yang tidak beraja (Perkara 42 (10)).

Pendahuluan

- YDA dan Sultan-sultan mempunyai kuasa tertinggi dalam hal ehwal agama Islam dalam negeri masing-masing.
- Majlis Agama Islam ditubuhkan di setiap negeri.
- Ia berfungsi membantu dan menasihati YDA dan Sultan-sultan dalam semua perkara berkaitan dengan agama Islam.
- Bagi memastikan institusi ini berfungsi dengan baik, kerajaan negeri telah mengasingkan pentadbiran Majlis Agama Islam/Jabatan Agama Islam/Mahkamah Syariah/Jabatan Mufti.

Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Negeri

- Undang-undang yang digubal di negeri-negeri memberi kuasa kepada kerajaan negeri masing-masing menubuhkan sebuah jawatankuasa yang membantu Jabatan Mufti mengeluarkan sesuatu fatwa bagi pihak kerajaan negeri.
- Jawatankuasa ini mempunyai pelbagai nama:
 - ❖Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara'
 - ❖Jawatankuasa Syariah
 - ❖Majlis Fatwa
 - ❖Lembaga Fatwa
 - ❖Lujnah/Jawatankuasa Fatwa
 - ❖Jama'ah Ulama
 - ❖Jawatankuasa Fatwa

Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Negeri

- Jumlah keanggotaan Jawatankuasa Fatwa adalah berbeza dari satu negeri ke negeri yang lain yang meliputi dari 5-17 ahli.
- Sebagai contohnya, di Selangor: Seksyen 46 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 memperuntukkan:

Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Negeri

- Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa yang terdiri dari:
 - a) Mufti; – Pengerusi;
 - b) Timbalan Mufti;
 - c) Penasihat Undang-undang Negeri;
 - d) Dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis;
 - e) Seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam Hukum Syarak yang akan dilantik oleh Majlis;
 - f) Tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis; dan
 - g) Seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai Setiausaha.

Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Negeri

- Semua Ahli Jawatankuasa Fatwa termasuk Mufti dan Timbalan Mufti adalah dilantik oleh Sultan (negeri-negeri beraja) dan YDA (negeri-negeri tidak beraja).

Penubuhan Majlis Fatwa Kebangsaan

- Di peringkat Persekutuan pula ditubuhkan Majlis Fatwa Kebangsaan (mengikut Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia) – termasuk pindaan-pindaan Mesyuarat MRR 1971, 1973, 1976 dan 1980.
- Dalam menjalankan tugas, Majlis Fatwa Kebangsaan menggunakan 2 cara:
 - a) **Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan** – hanya diadakan atas perintah dari MRR untuk melihat sesuatu perkara/isu; dan
 - b) **Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan** – ini berjalan dari masa ke semasa dan tidak memerlukan perintah dari MRR.

Penubuhan Majlis Fatwa Kebangsaan

- Majlis Fatwa Kebangsaan terdiri dari:
 - a) Pengerusi;
 - b) Mufti-mufti Negeri-negeri;
 - c) Lima orang ulama yang dipilih dan dilantik oleh MRR; dan
 - d) Seorang ahli yang beragama Islam dari perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profesyen undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh MRR.

Fungsi Mufti dan Jawatankuasa Fatwa

- Jawatankuasa Fatwa Negeri membantu dan menasihati Sultan-sultan bagi menyelesaikan persoalan semasa mengenai Hukum Syarak.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri boleh atas inisiatif sendiri atau atas permintaan daripada orang awam memohon kepada Mufti satu fatwa dalam satu-satu perkara (S 47 EPAI Selangor 2003).

Fungsi Mufti dan Jawatankuasa Fatwa

- Pendapat Mufti boleh menjadi rujukan Mahkamah.
- Mufti boleh mengeluarkan fatwa atau memperakukan pendapatnya atau keterangan yang berhubung dengan hukum Syarak jika diminta oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah.

Pengeluaran dan Pewartaan Fatwa

- Dari segi undang-undang, hanya fatwa yang diwartakan sahaja yang dianggap mengikat.
- Manakala pandangan atau kenyataan bertulis oleh Mufti tidak mengikat dari segi undang-undang walaupun dibuat di mahkamah.
- Walau bagaimanapun, bagi negeri Pulau Pinang, pernyataan yang diwartakan dan kenyataan bertulis oleh Mufti boleh dianggap sebagai fatwa bagi mahkamah yang memerlukannya.

Pengeluaran dan Pewartaan Fatwa

- Bagi Negeri Selangor, Seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 memperuntukkan Tatacara Pembuatan Fatwa:
 1. Mufti boleh mengarahkan kajian dijalankan sebelum Jawatankuasa Fatwa bersidang/bermesyuarat. Lazimnya, kertas kerja/kertas konsep disediakan oleh bahagian penyelidikan dan tertakluk kepada keperluan mendapat pandangan dari pakar dalam perkara berkenaan.
 2. Kemudian, Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.

Pengeluaran dan Pewartaan Fatwa

3. Hasil perbincangan/kajian yang mendalam seterusnya dimajukan ke persidangan/mesyuarat Majlis Agama Islam.
4. Seterusnya, pejabat Jabatan Mufti menyediakan deraf fatwa dan merujuk kepada Penasihat Undang-undang Negeri untuk diteliti.
5. Deraf tersebut akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Undang-undang Negeri dan seterusnya dibincang dalam persidangan/mesyuarat Majlis Agama Islam yang dipengerusi oleh Pengerusi Majlis.
6. Sekiranya perlu, fatwa tersebut disembah kepada Sultan/Yang di-Pertuan Agong untuk perkenan dan seterusnya diwartakan.

Kedudukan Fatwa Kebangsaan

- Di peringkat kebangsaan pula, sesuatu fatwa yang akan diputuskan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atau Muzakarah Jawatankuasa Kebangsaan yang terletak di bawah Majlis Fatwa Kebangsaan yang diketuai oleh seorang Pengerusi.
- Pada kelazimannya, Muzakarah Jawatankuasa Kebangsaan kerap bersidang kerana ia tidak memerlukan perintah dari Majlis Raja-raja.
- Semua Mufti negeri hendaklah menjadi ahli dengan beberapa ahli lain termasuk dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profesion undang-undang yang dilantik oleh Majlis Raja-raja.

Kedudukan Fatwa Kebangsaan

- Sekrteriat Majlis Fatwa Kebangsaan diletakkan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Sesuatu fatwa yang diputuskan boleh dibuat sama ada secara sebulat suara atau mengikut majoriti undi dua pertiga dari kalangan Mufti atau wakil dan ahli lain kecuali Pengerusi dan ahli dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profesion undang-undang.
- Malangnya, sesuatu fatwa yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan tidak mengikat dari segi undang-undang.
- Malah ia hanya mengikat di peringkat negeri sekiranya negeri berkenaan menerima pakai fatwa tersebut dan menguatkuasakannya.

Kedudukan Fatwa Kebangsaan

- Lazimnya, fatwa yang diputuskan di peringkat kebangsaan akan dimaju semula ke Jawatankuasa Fatwa Negeri untuk penerimaan.
- Sekiranya diterima, ia akan di majukan ke peringkat seterusnya untuk pewartaan.
- Nampaknya, Majlis Fatwa Kebangsaan hanyalah satu badan diskusi bagi menentukan satu-satu fatwa yang melibatkan kepentingan negara.
- Ia tidak mengikat negeri-negeri termasuk Wilayah Persekutuan.

Konflik Fatwa Kebangsaan vs Negeri

- Konflik antara fatwa Negeri dan Kebangsaan sering berlaku.
- Sebagai contoh: Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan (27 Ogos 2009) dan Jawatankuasa Fatwa Perlis mengharamkan ESQ bimbang ia akan membawa kepada kerosakan akidah dan agama Islam.

Konflik Fatwa Kebangsaan vs Negeri

- Bagaimanapun Majlis Fatwa Kebangsaan memberi lampu hijau bagi organisasi ESQ untuk meneruskan aktiviti mereka dengan syarat mereka mestilah melantik Penasihat Syariah untuk mengawasi aktiviti mereka.
- Jawatankuasa Fatwa Pahang dan P. Pinang juga mengambil pendekatan yang sama.

Konflik Fatwa Kebangsaan vs Negeri

- Contoh lain: Jawatankuasa Fatwa Selangor dan P. Pinang mengharamkan pelaburan dalam ASB/ASN kerana terdapat sejumlah pelaburannya terlibat dengan riba dan tidak menepati kehendak Syariah. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Fatwa P. Pinang (30 Ogos 1983) mengharuskan penggunaan wang dari pelaburan ASB/ASN untuk menunaikan haji.

Konflik Fatwa Kebangsaan vs Negeri

- Kecuali Johor, Melaka, Perlis dan Sabah yang masih belum mengeluarkan fatwa mengenai pelaburan ASB/ASN, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (27 Mei 2008) dan negeri selain Selangor dan P. Pinang mengharuskan pelaburan dalam ASB/ASN.

Konflik Fatwa Kebangsaan vs Negeri

- Jawatankuasa Fatwa Selangor memutuskan bayaran zakat WAJIB dibayar kepada LZS. (9 Mei 2001).
- MAIWP melalui fatwa Jawatankuasa Fatwa WP mewajibkan zakat gaji (29 April 1999).
- Majlis Fatwa Kebangsaan mewajibkan zakat gaji (7 Mei 2003).
- Perak tidak mewajibkan zakat gaji kecuali cukup nisab dan haul (7 Mac 2013).

Penyelarasan Fatwa

- Persoalan penyelarasan fatwa sering dibicarakan.
- Ini kerana ketidakseragaman fatwa menimbulkan kekeliruan dan masalah kepada masyarakat.
- Konflik fatwa berlaku kerana hal-ehwal agama Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri.
- Kuasa prerogatif Sultan/Raja/YDA.

Penyelarasan Fatwa

- Semasa (Tun) Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Naib Presiden UMNO pernah memberi komen:
“more often than not, we hear of contradictory views or rulings by Mufti in matters pertaining to *zakat fitrah* and others. Therefore, it’s important to have a standardised *fatwa* so that people will no longer be confused” (NST, 30 August 1997).
- Nampaknya, cadangan ini dipersetujui oleh kebanyakan Mufti.
- Dari kajian yang dilakukan seramai 13 Mufti (93%) bersetuju supaya badan fatwa negeri-negeri diselaraskan di peringkat pusat.

Penyelarasan Fatwa

- Manakala bagi pegawai pula, seramai 10 orang (71%) bersetuju supaya badan fatwa negeri-negeri diselaraskan di peringkat pusat.
- Tiga orang (21%) tidak bersetuju dan seorang (7%) tidak memberi sebarang komen.
- Bagi yang tidak bersetuju, di antara alasan-alasannya:
 - a) Perkara ini tercatat dalam undang-undang tubuh negeri.
 - b) Kuasa dan urusan agama terletak ke atas Sultan dan negeri masing-masing.
 - c) Wujudnya persekitaran yang berbeza antara negeri-negeri.
 - d) Dapat menghasilkan pandangan yang banyak.

Penyelarasan Fatwa

- Walau bagaimanapun, dalam kajian yang dibuat, pemuka-pemuka masyarakat tidak bersetuju dengan cadangan penyelarsan badan fatwa.
- Di antara alasan-alasan yang diberi:
 - a) Setiap negeri diperuntukkan supaya Sultan melantik seorang Mufti untuk menasihatinya dalam masalah agama. Maka kewujudan Mufti di setiap negeri adalah baik kerana mereka dapat bertukar-tukar pendapat.
 - b) Perlantikan Mufti di setiap negeri adalah efektif kerana ia merupakan pakar rujuk di setiap negeri. Ini kerana bidang kuasa agama terletak di bawah kerajaan negeri. Keadaan ini berbeza dengan Mesir dan Saudi.
 - c) Dengan adanya Mufti di setiap negeri membolehkan penubuhan *Majma' al-Fiqhi* bagi mengadakan fatwa secara kolektif.

Penyelarasan Fatwa

- Ada juga sesetengah pemuka masyarakat yang bersetuju supaya badan-badan fatwa diselaraskan kerana kewujudan ramai Mufti adalah tidak efektif.
- Malah, ada yang berpendapat tidak perlu adanya Mufti di setiap negeri.
- Mereka mencadangkan agar badan fatwa diseragamkan.
- Ada juga yang bersetuju badan fatwa diselaraskan sekiranya ia melibatkan kemaslahatan umum.
- Kalau fatwa itu melibatkan perkara setempat, ia tidak perlu diselaraskan. Sebagai contoh: jumlah nilai zakat fitrah.
- Bagi orang awam pula, kajian kami mendapati hampir 95% responden mahukan fatwa diselaraskan di peringkat pusat supaya tidak wujud salah faham dan kecelaruan dalam memahami fatwa.

Penyelarasan Fatwa

- Sesetengah pihak mencadangkan supaya diwujudkan Mufti Negara (*Grand Mufti*) – Cadangan ini dikemukakan lagi di sidang Parlimen pada 17 Sept. 2003.
- Isu ini mula ditimbulkan sejak tahun 1996 lagi oleh (Tuan Haji) Mo'min Abdul Aziz, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Melaka.
- Ia dicadangkan semula oleh (Dato') Dr. Syed Ali Tawfik al-Attas, Bekas Ketua Pengarah IKIM pada Disember 2006.
- Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak dipersetujui oleh Mufti Perak, Tan Sri Dato' Seri Harussani Zakaria.
- Dato' Seri Najib Tun Razak (Timbalan Perdana Menteri ketika itu) dan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (Menteri di JPM ketika itu) juga berpendapat cadangan mewujudkan Mufti Negara tidak dapat dibuat.

Penyelarasan Fatwa

- Di antara alasan yang diberi ialah kerana jawatan Mufti adalah di bawah bidang kuasa Sultan (YDA bagi negeri yang tidak beraja).
- Sultan-sultan tidak mahu kehilangan kuasa terhadap yang sudah ada dalam hal ehwal agama Islam.
- Ia menyalahi peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan dan Perkara 74.

Penyelarasan Fatwa

- Mulai 2 Sept. 1997, persetujuan telah diperolehi supaya Mufti-mufti merujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan sebelum sesuatu fatwa itu boleh diwartakan di negeri-negeri.
- Tetapi apakah ini berjalan?
- Dalam kajian kami menunjukkan terdapat 36% Mufti di Malaysia tidak bersetuju terhadap kewujudan Majlis Fatwa Kebangsaan.
- Ini kerana Majlis tersebut tidak boleh menyaingi dan menguasai Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri.
- Lagipun, Majlis Fatwa Kebangsaan tidak mempunyai kuasa dan kekuatan dalam perkara fatwa.

Penyelarasan Fatwa

- Apa yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan bergantung pula kepada negeri-negeri kerana setiap negeri ada pula Jawatankuasa Fatwa masing-masing.
- Sekiranya sesebuah negeri itu merasakan sesuatu fatwa itu perlu diwartakan di negeri tersebut, ia akan dimajukan ke Jawatankuasa Fatwa negeri berkenaan, dan setelah ia bersetuju barulah ia diwartakan. (Lihat S 48 Tatacara Pembuatan Fatwa EPAI Sel 2003).

Penyelarasan Fatwa

- Untuk penyelarasan fatwa, satu cadangan untuk menubuhkan Darul Ifta' di peringkat pusat pernah diutarakan, tetapi tidak “diperkenankan” oleh MRR.
- Justeru itu, urusetia Muzakarah Fatwa telah diperkemaskan.
- 2 Jan 2009, Bahagian Pengurusan Fatwa dan Pembangunan Ijtihad diwujudkan.
- Dengan tertubuhnya Bahagian ini, diharap kajian terperinci akan dibuat sebelum fatwa-fatwa dikeluarkan.
- Ini tidaklah bermakna, sebelum ini tidak ada kajian seumpama yang dibuat.

Masalah-masalah Dalam Penyelarasan Fatwa

- Kewujudan 14 Mufti dengan pelbagai pandangan.
- Kewujudan 14 Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri dengan pelbagai pandangan.
- Keengganan negeri menerima pakai fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.
- Alasan:
 - a) Kuasa agama di peringkat negeri dan hak Sultan.
 - b) Peruntukan yang diberi dalam Perlembagaan Persekutuan (Jadual Ke 9 dan Perkara 74).

Masalah-masalah Dalam Penyelarasan Fatwa

- Seeloknya, Jawatankuasa Fatwa Negeri menerima pakai fatwa yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.
- Sebagai contohnya S 52(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003:

Masalah-masalah Dalam Penyelarasan Fatwa

- “Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh perbuatan atau amalan yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Fasal 2(b) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan”.

Masalah-masalah Dalam Penyelarasan Fatwa

- Sebenarnya, terdapat usaha untuk menyelaraskan proses pengeluaran fatwa.
- Penubuhan badan tidak formal: Majlis Mufti-mufti Se- Malaysia pada tahun 1998 yang melibatkan semua mufti.
- Ia merupakan platform diskusi antara mufti dalam perkara agama yang lebih bersifat “bebas”.

Kesimpulan dan Cadangan

- Fatwa yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri boleh dimajukan kepada Majlis Fatwa Kebangsaan agar ia dapat diselaraskan.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri boleh menerima pakai fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan, walaupun dalam keadaan tertentu boleh tidak menerima pakai fatwa tersebut justeru kerana ia adalah bidang kuasa negeri.
- Namun, terdapat usaha ke arah penyelarasan fatwa dalam isu-isu tertentu seperti pendermaan organ dan penetapan awal puasa dan hari raya .
- Mufti-mufti Negeri tidak dibenarkan membuat kenyataan kontroversi yang bercanggah dengan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan atau Jawatankuasa Fatwa Negeri lain.